


**Serdang:** “Sebelum ini saya sering meminjam komputer riba daripada rakan untuk membuat tugas, dengan pemberian ini, ia sangat memudahkan pembelajaran saya kelak,” kata Muhammad Amirul Aziq Aman, 19, yang menerima sebuah komputer riba sumbangan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Menurut mahasiswa Tahun Kedua Diploma Grafik, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka itu, hanya rasa gembira dan terharu dapat dinyatakan kerana pemberian itu sangat diperlukan bagi meneruskan pembelajarannya yang masih berbaki dua tahun.

Anak kedua daripada empat beradik dan berasal dari Subang Perdana itu juga bergantung kepada bantuan sara diri sebanyak RM3,000 setahun yang diberikan oleh LZS kerana bapanya yang bekerja sendiri mempunyai pendapa-



*AMIRUL bersama penerima lain melihat komputer riba yang diterimanya.*



*MOHD Tamyès (tengah) bersama Dr Mohammad Shatar (empat dari kanan) beramah mesra bersama penerima bantuan komputer riba.*

## 130 pelajar terima komputer riba

tan terhad.

Sementara itu, seorang mahasiswa Ijazah Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM) Nurhafizatul Liyanna Abdul Halim, 21, mengucapkan terima kasih kepada LZS

kerana memberikan sebuah komputer riba kepadanya.

Katanya, sebelum ini dia hanya bergantung kepada komputer riba yang diwarisi daripada kakaknya yang sudah berusia lebih tujuh tahun, namun ia sudah ro-

sak tahun lalu.

“Komputer riba sangat penting pada saya, apabila ia rosak tahun lalu, saya berangan-angan untuk cuba membelinya tapi tidak mampu, kebetulan pula LZS memberikan kepada saya tahun ini.

“Saya berhasrat ingin berjaya dan membantu keluarga, sebab saya satu-satunya daripada empat beradik yang berjaya melanjutkan pelajaran, yang lain semua terpaksa berhenti kerana tidak mampu,” katanya.

Seramai 130 orang ma-

“Sebelum ini saya sering meminjam komputer riba daripada rakan untuk membuat tugas”

**Muhammad Amirul Aziq Aman**

hasiswa daripada keluarga fakir dan miskin Selangor diberikan komputer riba dengan nilai keseluruhan RM256,100 dalam Majlis Penyampaian Agihan Komputer Riba 2014 LZS di Dewan Banquet, UPM, di sini, semalam.

Turut hadir Mufti Selangor Datuk Mohd Tamyès Abdul Wahid, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UPM Profesor Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran serta Timbalan Pengurus Besar Agihan LZS Abdul Basith Hamid.